

'Kos tinggi punca batal'

Oleh **NOR SEDEK ISMAIL**
dan **SUFFIAN ABU BAKAR**

M.M.: 8/7/2007

MUAR 7 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, projek insinerator di Kampung Broga, Semenyih dibatalkan kerana kos pembinaannya terlalu tinggi hingga mencecah RM1.5 bilion.

Timbalan Perdana Menteri berkata, langkah kerajaan itu tiada kaitan dengan tindakan mahkamah oleh penduduk terbabit.

Sebaliknya kata beliau, pembatalan itu dibuat oleh jawatankuasa Kabinet yang dipengeruskannya dan dianggotai oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting serta beberapa menteri besar, tahun lalu.

Tambahnya, keputusan itu juga mengambil kira kos penyelenggaraan projek yang terlalu tinggi sehingga tidak mungkin dapat dibiayai oleh majlis perbandaran atau majlis daerah.

"Di samping itu pada masa ini kita ada alternatif lain (tapak pembuangan sampah) di Bukit Tagar, Selangor dan kawasan lain yang berjalan dengan baik.

"Alternatif ini lebih kos efektif dan teknologinya sudah terbukti berkesan, sebab itulah kita sambil keputusan membatalkan projek itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Ukhuwah Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah Malaysia (Pekida) di Tangkak dekat sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai keputusan kerajaan untuk membatalkan projek berkenaan semalam.

Pembatalan itu dimaklumkan kepada

mahkamah menerusi surat yang diterima daripada Peguam Kanan Persekutuan, Suzana Atan.

Serentak dengan keputusan itu juga, penduduk Kampung Broga, Lee Yoke Kim, 36, yang sebelum ini mengemukakan saman ke atas kerajaan ekoran isu itu turut membatalkan samannya di Mahkamah Tinggi Shah Alam, semalam.

Dalam pada itu, Najib berkata, kerajaan belum lagi berbincang untuk mencari tapak baru bagi pembinaan projek insinerator di negara ini.

Bagaimanapun menurutnya, ini bukan bermakna insinerator tidak boleh dibina untuk memproses sisa pepejal di negara ini seperti yang diamalkan di negara-negara maju.

"Tetapi kita perlu mengambil kira teknologi dan kosnya sesuai dengan kemampuan kita kerana jangan lupa di luar negara kadar cukai yang dikenakan amat tinggi," kata beliau.

Pada masa yang sama kata Najib, pihaknya mengambil kira beberapa isu sensitif daripada cadangan pembinaan insinerator termasuk kesan alam sekitar, kesihatan serta bebannya kepada rakyat.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kerajaan Malaysia sedia menyalurkan kepakaran teknikal bagi membantu Indonesia memadamkan kebakaran di republik itu yang dikenal pasti menjadi punca jerebu di Pulau Pinang sejak akhir-akhir ini.

Kawasan Pulau Pinang termasuk utara Perak dilanda jerebu sejak empat hari lalu hingga menyebabkan indeks pencemaran udara (IPU) tidak sihat dan jarak penglihatan kurang daripada 400 meter.

Ini bukan bermakna insinerator tidak boleh dibina untuk memproses sisa pepejal di negara ini seperti yang diamalkan di negara-negara maju.

- Najib Tun Razak



NAJIB Tun Abdul Razak memukul gong pada perasmian Karnival Ukhuwah Keluarga Pekida Malaysia 2007 di Tangkak, Muar, Johor, semalam.

- Gambar ISHAK RAHMAD